

## KENYATAAN PENGURUSI

### Pengerusi

Tengku Syarif Bendahara  
Perlis Syed Badarudin  
Jamalullail Ibni Almarhum  
Tuanku Syed Putra Jamalullail

### Para pemegang saham yang dihormati,


Walaupun berhadapan dengan suasana makro yang sukar, diikuti dengan peningkatan persaingan dan kos input, serta sentimen konsumen yang lemah dan berpanjangan, kami teruskan dengan pelaksanaan transformasi perniagaan yang bermula sejak Oktober 2015. Pada Tahun Kewangan 2017 (TK2017), kami telah membuat perubahan struktur yang kritikal bagi kejayaan jangka panjang kami. Hasilnya, Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB atau Kumpulan) hari ini menjadi organisasi yang lebih kukuh dan efisien bagi membawa Kumpulan ke peringkat seterusnya ke arah pencapaian pertumbuhan yang lebih mampan.



# 3

## TERAS PERTUMBUHAN

Menyokong pertumbuhan  
mampan jangka panjang



### MENCIPTA NILAI UNTUK PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Transformasi kami menggambarkan prinsip sama yang membolehkan F&NHB mengatasi pelbagai cabaran di sepanjang 134 tahun dan ianya juga akan membantu kami mengharungi pelbagai lagi cabaran pada masa hadapan. Ini adalah kesanggupan kami untuk menerima kesulitan jangka pendek untuk kemampuan jangka panjang.

Semasa tempoh konsolidasi ini, perolehan Kumpulan menyusut sebanyak 1.6 peratus kepada RM 4.1 bilion, sementara kos input yang tinggi dan kos penstrukturkan semula telah menyebabkan penurunan sebanyak 20.1 peratus bagi keuntungan sebelum cukai Kumpulan kepada RM 353.7 juta berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Tidak termasuk item "one-off", keuntungan sebelum cukai Kumpulan menyusut sebanyak 2.3 peratus kepada RM 406.4 juta berbanding RM 416.2 juta pada Tahun Kewangan 2016 (TK2016). Ini bermakna melalui pelbagai program transformasi, peningkatan harga komoditi secara keseluruhannya telah mampu ditangani. Dalam jangka panjang, kami yakin perubahan yang dilaksanakan akan meningkatkan prestasi kewangan dan dapat menambah nilai sedia ada kepada pemegang-pemegang saham.

Pelabur yang masih memegang saham F&NHB sejak 10 tahun lalu sehingga kini dapat menikmati pulangan pelaburan (ROI) melebihi 290 peratus. Ini berikutan kepada peningkatan harga saham kami yang stabil daripada RM 8.05 pada Oktober 2007 kepada RM 24.66 pada 29 September 2017 -- serta dividen yang telah diumumkan sepanjang tempoh yang sama.

Bagi TK2017, kami mencadangkan dividen peringkat tunggal akhir sebanyak 30.5 sen sesaham. Jika diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan, jumlah dividen untuk tahun ini adalah sebanyak 57.5 sen sesaham, menyamai jumlah dividen pada TK2016.

## TIGA TERAS PERTUMBUHAN YANG MENYOKONG KEMAMPANAN

Untuk memastikan kami kekal fokus dalam proses transformasi, kami telah membahagikan perniagaan kami kepada tiga teras pertumbuhan bebas -- Makanan & Minuman Malaysia Domestik (F&B Malaysia Domestik), Makanan & Minuman Thailand (F&B Thailand) dan Eksport -- dimana setiap bahagian mempunyai sasaran pertumbuhan keuntungan untuk menyokong kemampuan F&NHB.

Pertumbuhan dalam F&B Malaysia Domestik adalah dipacu oleh inisiatif transformasi untuk mendapatkan sinergi daripada pelarasan komersial dan penambahbaikan kecekapan operasi serta peruntukan perbelanjaan modal (capex) untuk meningkatkan kapasiti dan mendesentralisasi operasi pengeluaran kami. Sejak 2015, kami telah memperuntukkan lebih daripada RM 500 juta untuk projek perbelanjaan

modal (capex) untuk tempoh tiga tahun. Pada masa yang sama, kami telah menangguhkan pembangunan harta tanah kerana kami percaya landskap ekonomi waktu kini tidak memberikan kelebihan kepada pembangunan dan jualannya.

Bagi F&B Thailand, walaupun kami bersyukur dengan kejayaan yang dicapai dalam hanya tempoh 10 tahun sejak pengambilan alih, terdapat skop lebih besar untuk dikembangkan, dan pasukan pengurusan kami sedang memanfaatkan peluang yang ada melalui inisiatif-inisiatif inovasi. Budaya inovasi bagi operasi kami di Negara Thai adalah sangat ketara pada tahun kewangan ini apabila mereka menerima Anugerah Diamond Thailand Kaizen daripada Technology Promotion Association (Thailand-Jepun) bagi projek penambahbaikan produktiviti terbaik yang dipacu oleh kakitangan di dalam negara.


Bagi memperluaskan eksport, kami telah mengembangkan pasukan kami dan menyemai pendekatan keusahawanan terhadap pembangunan perniagaan antarabangsa. Dengan wujudnya

hubungan yang rapat dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), kami telah dapat memanfaatkan kehadiran global mereka, terutamanya dalam pasaran halal, dimana kami mempunyai kelebihan kerana operasi kami adalah disahkan halal.

Saya sangat berpuas hati dengan pertumbuhan digit berganda kukuh dalam perniagaan Eksport. Berhadapan dengan ekonomi dan landskap pasaran domestik yang mencabar, pelaburan kami dari segi pembangunan keupayaan dan pengembangan kapasiti untuk transformasi perniagaan Eksport sebagai teras pertumbuhan Kumpulan tepat pada waktunya dan telah memberikan keuntungan kepada Kumpulan.

Kami yakin bahawa melalui program transformasi, kami mampu memaksimumkan peluang pertumbuhan perniagaan eksport dari Malaysia untuk melepas sasaran jualan sebanyak RM 500 juta sebelum 2020.

**Perolehan Kumpulan (RM bilion)**



## LAPORAN KEMAMPANAN

Lembaga Pengarah melihat kemampuan sebagai sebahagian daripada tadbir urus yang baik. Ia juga sebahagian daripada usaha kami dalam membantu memelihara bumi untuk generasi masa hadapan. Oleh demikian, Lembaga Pengarah adalah pemangkin dan pendorong dalam perjalanan mampan F&NHB. Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan mengambil peranan sebagai Jawatankuasa Kemudi di peringkat Lembaga Pengarah, menyediakan khidmat nasihat kepada Jawatankuasa Pengurusan Kemampuan F&NHB berkaitan perkara-perkara kemapanan Kumpulan.



**"Kami yakin melalui program transformasi,  
kami mampu memaksimumkan peluang  
pertumbuhan perniagaan eksport dari  
Malaysia untuk melepas sasaran jualan  
sebanyak RM 500 juta sebelum 2020"**

Bagi memastikan keselarasan antara Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan mengenai kemampanan, semua ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri latihan dan bengkel materialiti pada bulan Ogos lalu bagi memahami amalan terbaik dalam kemampanan serta garis panduan laporan Indeks Laporan Global (GRI). Input dan informasi yang diperoleh daripada bengkel tersebut telah bertindak sebagai rangka kerja bagi pendekatan pengurusan dan proses penyediaan laporan berkenaan aspek-aspek material ekonomi utama, persekitaran dan sosial (EES) Kumpulan.

Meskipun kami telah melaporkan amalan kemampanan Kumpulan sebelum ini, Lembaga Pengarah berbesar hati menampilkan laporan kemampanan mengikut GRI G4 yang pertama pada tahun ini.

#### MEMBINA KEPERCAYAAN DENGAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN

Melalui kedua-dua Laporan Tahunan dan Laporan Kemampanan, kami cuba mewujudkan ketelusan bagi setiap tindakan Kumpulan untuk mengukuhkan kepercayaan pemegang berkepentingan terhadap kami. Kepercayaan konsumen terhadap produk-produk kami adalah amat penting memandangkan legasi kami yang unik dalam sosio-ekonomi kalangan generasi Malaysia.

Bagi mengekalkan kepercayaan mereka, kami memberi penekanan terhadap kualiti dan relevansi serta membuat pelaburan dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk membangunkan produk-produk yang memenuhi perubahan jangkaan konsumen. Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kami menumpukan inovasi pada penciptaan produk yang enak dan pada masa yang sama memenuhi permintaan gaya hidup sihat. Kami amat berbesar hati apabila empat produk kami—Susu F&N Magnolia Low-Fat Hi-Cal, Susu Segar FARMHOUSE, 100PLUS ACTIVE and 100PLUS Original – menerima logo 'Healthier Choice' (Pilihan Sihat) yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan. Kami menyasarkan untuk menawarkan pilihan lebih sihat bagi setiap kategori produk kami menjelang 2020.

Saya juga bangga untuk berkongsi berkenaan pengiktirafan yang telah kami peroleh dalam membina kepercayaan dengan pemegang berkepentingan. Pada September 2017, F&NHB merupakan salah satu daripada 20 finalis bagi Anugerah Membina Kepercayaan Malaysia (BTA) oleh PwC.

Pendapatan  
Asas Sesaham

**88.3 sen**

Dividen untuk  
tahun

**57.5 sen**  
sen sesaham

Nisbah Pembayaran  
Dividen

**65%**



Laporan Kemampanan  
GRI G4 yang Pertama



**F&N Dairies Manufacturing  
Malaysia:**

Standard Emas bagi  
Pengurusan Tenaga dari Skim  
Pengurusan Tenaga ASEAN



**F&N Dairies Thailand:**  
Anugerah Industri Perdana  
Menteri 2017 untuk Kualiti  
Konservasi Alam Sekitar

### Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan (RM juta)



### TANGGUNGJAWAB KEPADA BUMI DAN KOMUNITI



#### Anugerah Pengerusi Ke-15:

Sebanyak RM 286,600 telah dianugerahkan kepada anak-anak kakitangan bagi kecemerlangan akademik dan ko-kurikulum



100PLUS diiktiraf sebagai Pemasar Putra Terbaik dari Lembaga Pentadbir Putra Brand Award

F&NHB mempunyai rekod yang kukuh dalam sumbangannya kepada komuniti melalui pelbagai cara yang bermakna. Kami merupakan penyokong setia acara-acara sukan di dalam negara dan pada tahun ini, menjadi penyumbang bagi acara Sukan SEA di mana negara kita mengambil peranan sebagai tuan rumah. Kami juga bangga kerana telah dapat menyokong ahli-ahli sukan kita yang telah mencatatkan persembahan yang cemerlang dalam acara Sukan SEA dimana 100PLUS adalah minuman isotonik rasmi. Kami juga telah mengembangkan program kitar semula di sekolah dengan membawa program ini ke Kuching dan Seberang Prai buat julung kali dan berjaya menarik lebih banyak penyertaan daripada sekolah-sekolah di Shah Alam dan Pulau Pinang.

Inisiatif kitar semula merupakan sebahagian daripada komitmen besar kami dalam menangani isu-isu alam sekitar seperti perubahan iklim. Kami sentiasa mencari jalan untuk meminimumkan impak aktiviti kami terhadap alam sekitar melalui kecekapan tenaga, pengurangan penggunaan bahan mentah dan pengurangan pengeluaran sisa. Usaha-usaha tersebut memang diiktiraf dan pada tahun ini, saya berbangga untuk berkongsi bahawa F&N Dairies Manufacturing Malaysia telah menerima Anugerah Standard Emas bagi Pengurusan Tenaga daripada Skim Pengurusan Tenaga ASEAN sementara F&N Dairies Thailand menerima Anugerah Industri Perdana Menteri 2017 untuk Kualiti Konservasi Alam Sekitar daripada Kementerian Industri dan Kerajaan Thailand.

Di dalam Kumpulan sendiri, kami teruskan usaha melibatkan pemegang berkepentingan yang paling utama iaitu kakitangan kami, melalui komunikasi kerap dan latihan serta peluang pembangunan yang menyokong cita-cita profesional kakitangan. Bagi usaha mengukuhkan hubungan bersama dengan kakitangan, kami telah mengadakan Majlis Anugerah Pengerusi Ke-15 pada tahun ini di mana sebanyak RM 286,600 telah dianugerahkan kepada 130 anak-anak kakitangan yang telah memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik dan aktiviti ko-kurikulum. Kami berasa bangga di atas kejayaan mereka dan berharap dengan sedikit motivasi daripada syarikat, mereka akan berusaha lebih keras untuk kejayaan masa hadapan.

Inisiatif komuniti dan alam sekitar kami telah dinyatakan dengan lebih lanjut di dalam Laporan Kemampanan.





## PENGHARGAAN

Transformasi F&NHB telah meletakkan tekanan kepada pelbagai pihak, namun setiap orang telah menyahut cabaran, dan memastikan kejayaan bagi setiap program yang dijalankan.

Pada bulan Mei, rakan-rakan sekerja saya dari Lembaga Pengarah telah meluangkan masa untuk menghadiri wacana strategik tahunan selama dua hari, dimana mereka terlibat sepenuhnya dalam perbincangan strategi kritikal, proses membuat keputusan dan pelaksanaan visi. Mereka telah memperlihatkan bahawa mereka mungkin merupakan Lembaga Pengarah yang paling berwawasan sepanjang sejarah penubuhan F&NHB, dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Pengarah yang telah membantu membentuk F&NHB yang mampan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga terhadap perkhidmatan berdedikasi oleh Dato' Dr. Mohd Shahar bin Sidek, Dato' Anwarrudin bin Ahamad Osman, Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani, dan Encik Anthony Cheong Fook Seng yang telah berkhidmat dengan Lembaga Pengarah untuk tempoh 14 tahun, 12 tahun, 11 tahun dan 15 tahun, dan akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang akan datang. Selaku wakil pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada anda semua.

Lembaga Pengarah juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan pengurusan. Selaras dengan matlamat Kumpulan, Lembaga Pengarah akan terus menyokong usaha pasukan pengurusan untuk mengukuhkan lagi agenda kemampunan Kumpulan.

Pada masa sama, kami mengiktiraf komitmen semua kakitangan F&NHB dan ingin menzahirkan penghargaan kami yang tidak terhingga terhadap kerja keras mereka. Pasukan pemasaran 100PLUS seharusnya diberi penghargaan khas kerana telah menerima Anugerah Pemasar Terbaik dari Lembaga Tadbir Putra Brand Award.

Tahniah dan diharap lebih banyak kejayaan bakal dicipta oleh anda pada masa hadapan.

Tidak dilupakan, kami turut menghargai sumbangan rakan-rakan niaga kami, pembekal-pembekal dan pengedaran-pengedar, diatas sokongan yang tidak berbelah bagi pada tahun ini. Prestasi F&NHB adalah hasil daripada peranan yang dimainkan oleh kesemua pemegang berkepentingan. Kami komited untuk mencipta nilai mampan dan berkongsi kejayaan kami dengan anda semua.

**Tengku Syarif Bendahara Perlis  
Syed Badarudin Jamalullail Ibni  
Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail  
Pengerusi**